

# 'Laporan polis kes Muhyiddin dibuat istana, bukan kerajaan'

Fahmi akui masih ada tohmahan, dakwaan kaitkan Kerajaan Perpaduan dalam isu hasutan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Beberapa kes memjabitkan ahli politik yang dihalapkan ke mahkamah berkaitan su hasutan, bukan dibuat ber-

dasarkan laporan wakil kerajaan, sebaliknya daripada wakil istana.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, mengakui masih ada tohmahan dan dakwaan mengaitkan kerajaan dalam isu berkenaan, khususnya membatikan kes Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Dalam mesyuarat Jemaah Menteri hari ini, kami diingatkan bahawa sejumlah kes yang dibawa ke mahkamah berkaitan isu hasutan khusus berkait Ahli Parlimen Pagoh, bukan berdasarkan laporan dari pihak kerajaan, tetapi hasil laporan polis dibuat

wakil Istana Pahang.

"Kerajaan tidak masuk campur dalam hal ini, siasatan dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pendakwaan dibuat berdasarkan siasatan terbabit," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Kelmarin, Muhyiddin yang juga bekas Perdana Menteri, didakwa di Mahkamah Sesyen Gua Musang, Kelantan atas tuduhan mengeluarkan perkataan menghasut ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri di sini, pada 14 Ogos lalu.

Pengerusi PN yang juga Presiden BERSATU itu bagaimanapun

mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Nik Mohd Tarmizie Nik Mohd Shukri.

## Belum bincang akta Hasutan

Mengulas lanjut, Fahmi yang juga Menteri Komunikasi sekali lagi menegaskan kerajaan tidak terbabit dalam pendakwaan ke atas Muhyiddin kerana laporan polis asal dibuat Istana Pahang.

"Sama seperti kes hasutan terhadap Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, yang mana laporan polis dibuat wakil Istana Selangor.

"Dua kes hasutan ini memba-

bitkan isu 3R (kaum, agama, Raja) dan laporan polis daripada wakil istana, tiada kaitan dengan kerajaan," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan Pakatan Harapan (PH) meninggalkan ikrarnya untuk menyemak semula Akta Hasutan, Fahmi menafikannya.

"Tidak, kita pada waktu ini belum bincang isu Akta Hasutan, ada beberapa perkara diberi pertimbangan dan saya minta rujuk dengan menteri berkaitan.

"Cuma dalam kes ini, saya tegaskan bukan kerajaan bawa kes ke mahkamah, tetapi laporan polis dibuat oleh wakil Istana Selangor dan Pahang," katanya.